



## **KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

### **KENYATAAN MEDIA**

## **KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

### **SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA**

#### **MINGGU EPIDEMIOLOGI 06 (04 FEBRUARI 2024 – 10 FEBRUARI 2024)**

Pada Minggu Epidemiologi ke-06 tahun 2024, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 3,631 kes berbanding 3,969 kes pada minggu sebelumnya iaitu penurunan sebanyak 338 kes (8.5%). Terdapat satu (1) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-06 tahun 2024.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-06 adalah sebanyak 22,058 kes berbanding 13,094 kes bagi tempoh sama tahun 2023 iaitu peningkatan sebanyak 8,964 kes (68.5%). Sehingga kini terdapat 10 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan dengan kadar kematian 0.05% berbanding sembilan (9) kematian dengan kadar kematian 0.07% bagi tempoh yang sama pada tahun 2023. Kadar kematian denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-06 tahun 2024 ini adalah lebih rendah berbanding tempoh yang sama pada tahun 2023.

Bilangan lokaliti hotspot yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-06 adalah sebanyak 199 lokaliti berbanding 180 lokaliti hotspot pada

minggu sebelumnya. Dari 199 lokaliti yang dilaporkan, 158 lokaliti di Negeri Selangor, 18 lokaliti di WPKL & Putrajaya, 10 lokaliti di Negeri Sembilan, enam (6) lokaliti di Negeri Perak, dua (2) lokaliti di Negeri Pulau Pinang, dua (2) lokaliti di Negeri Kedah dan masing-masing satu (1) lokaliti di Negeri Pahang, Johor dan Sabah.

Bagi surveilans chikungunya, tiada kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-06. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah tiga (3) kes. Tiada wabak chikungunya dilaporkan pada ME06/2024.

Berdasarkan tren kes denggi sejak 10 tahun lalu, kes demam denggi pada kebiasaannya akan memuncak pada setiap empat (4) atau lima (5) tahun dan peningkatan ini telah mula dilihat pada tahun 2023 dan dijangka akan terus meningkat pada 2024. Perubahan cuaca yang tidak menentu di samping peningkatan pergerakan orang ramai terutama pada musim perayaan dan hujung minggu serta cuti sekolah merupakan antara punca peningkatan kes demam denggi di dalam negara.

Untuk makluman, nyamuk *Aedes* akan mengalami perubahan tingkahlaku apabila cuaca panas dan mendorong mereka lebih agresif menghisap darah untuk mendapatkan zat besi dan protein bagi menghasilkan telur. Keadaan cuaca panas dan kering juga menyebabkan kitaran hidup nyamuk *Aedes* daripada telur ke peringkat nyamuk dewasa semakin singkat iaitu kurang dari tujuh hari, sekali gus menyebabkan populasi nyamuk meningkat. Pembiakan nyamuk disebabkan faktor cuaca ini adalah di luar kawalan manusia. Walaubagaimanapun berdasarkan faktor kesihatan awam, risiko kejadian demam denggi ini boleh dikurangkan jika kita dapat bersama-sama menghapuskan semua tempat-tempat berpotensi pembiakan *Aedes*.

Sebelum pergi bercuti atau pulang ke kampung:

- i. Orang ramai boleh menyemak status wabak atau hotspot denggi bagi destinasi yang dituju melalui laman sesawang iDengue (<https://idengue.mysa.gov.my>) sebagai langkah berjaga-jaga dan seterusnya mengambil tindakan proaktif untuk mengelak terkena jangkitan.
- ii. Pastikan rumah sentiasa bebas daripada pembiakan nyamuk *Aedes* di dalam dan luar rumah masing-masing dengan melakukan aktiviti:
  - a. Cari dan musnah tempat berpotensi pembiakan *Aedes* sekurang-kurangnya 10 minit sekali seminggu dengan melupus atau mengitar semula bekas-bekas berpotensi pembiakan *Aedes* di dalam dan luar rumah secara berjadual.
  - b. Menutup rapat semua bekas menyimpan air atau masukkan bahan pembunuh jentik-jentik mengikut sukatan yang disyorkan pada label.
  - c. Cuci dan sental sehingga bersih bekas-bekas yang menakung air seperti alas pasu bunga sekurang-kurangnya sekali seminggu.

Orang ramai juga dinasihatkan supaya sentiasa mengamalkan langkah-langkah pencegahan sendiri iaitu:

- i. Memakai pakaian yang berwarna cerah, baju berlengan panjang dan menggunakan produk penghalau nyamuk (repelan) bagi melindungi diri daripada gigitan nyamuk *Aedes*.

- ii. Elakkan berada di luar rumah pada waktu puncak gigitan nyamuk *Aedes* iaitu pada awal pagi dan lewat petang.
- iii. Menggunakan semburan aerosol bagi membunuh nyamuk dewasa yang bersembunyi di dalam rumah. Dinasihatkan juga supaya membuat semburan aerosol sebelum memasuki rumah setelah pulang bercuti.

Di samping itu, jabatan kerajaan, badan bukan kerajaan, agensi dan syarikat swasta serta orang ramai adalah diminta untuk turut berperanan menjalankan tindakan bersama dengan mengaktifkan anggota serta komuniti setempat bagi membersihkan kawasan penempatan dan persekitaran premis seliaan masing-masing. Justeru, semua pihak diminta untuk melaksanakan program gotong-royong '*One Hour Malaysia Clean Up*' setiap minggu keempat bagi setiap bulan. Selain daripada itu, aktiviti bersama ahli keluarga dan rakan sekerja seperti "Kutip Sampah Sambil Beriadah" (KUDAH) juga boleh dilakukan bagi memastikan persekitaran bersih dan bebas *Aedes* selain dapat menyihatkan badan, minda dan mengeratkan hubungan antara satu sama lain.

Orang ramai dinasihatkan agar segera mendapatkan rawatan sekiranya mengalami gejala jangkitan demam denggi seperti demam tinggi secara tiba-tiba, sakit otot/ tulang/ sendi, sakit kepala yang kuat serta sakit belakang mata. Gejala-gejala lain yang lebih serius termasuklah muntah-muntah, cirit-birit dan pendarahan gusi. Rawatan awal boleh mengelakkan komplikasi demam denggi dan menyelamatkan nyawa.


Mari kita bersama-sama merayakan tradisi, memupuk hubungan dan silaturahmi yang lebih erat dengan penuh keceriaan bersama keluarga dan rakan-rakan serta diberikan kesihatan yang baik. Gong Xi Fa Cai! **Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.**

**DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN**

Ketua Pengarah Kesihatan

Kementerian Kesihatan Malaysia


**11 Februari 2024**




**Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-06 & ke-05 tahun 2024**



**Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-06 tahun 2024 dan tempoh sama tahun 2023**



**Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2024 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-06), 2023 dan median 2019-2023**



**Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-06 tahun 2024**